

25 MAR 2004

Rencana-Pekan Rabu

PEKAN RABU AKAN MENEBAR SAYAPNYA KE SELURUH MALAYSIA

Oleh: Melati Mohd Ariff

KUALA LUMPUR: Bayangkan anda berada di Pulau Pinang atau Johor atau negeri-negeri lain di Malaysia dan terpampang perkataan "Pekan Rabu" di depan mata anda, anda mungkin akan terpegun seketika.

Tetapi, bagi orang Kedah atau mereka yang pernah mengunjungi Alor Star, nama Pekan Rabu tidak asing buat mereka sebagai tempat tumpuan membeli-belah utama yang mewah dengan pelbagai kuih tradisional dan kraf tangan.

Nama Pekan Rabu juga sinonim dan tidak boleh dipisahkan daripada bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah berjualan di pekan ini sewaktu mudanya. Di sini juga, beliau dikenali dengan nama "Che Det" oleh kawan-kawannya.

Dan jika apa yang dirancang oleh Koperasi Pekan Rabu yang menguruskan Pekan Rabu ini, Pekan Rabu tidak akan lagi hanya menjadi 'hak milik' Alor Star. Hakikatnya, Pekan Rabu akan menebar sayapnya kesemua negeri di Malaysia termasuk Sabah and Sarawak.

Menurut Pengerusi Koperasi Pekan Rabu Alor Setar, Haji Azmi bin Shahab, rancangan untuk menubuhkan Pekan Rabu di luar Kedah mula-mula dibincangkan dengan Tun Dr Mahathir sewaktu beliau merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada tahun 2001.

"Pekan Rabu pertama di luar Alor Star dirancang dibuka di Pulau Pinang setelah membincangkan hal ini dengan kerajaan negeri Pulau Pinang dan menyuarakannya juga kepada Perdana Menteri 'Pak Lah'," kata Haji Azmi.

MENEBAR SAYAP

Pekan Rabu kini begitu 'padat' dengan peniaga menyebabkan ia berhasrat untuk menebar sayapnya dan mahu bergerak untuk memperluaskan konsep perniagaannya ke seluruh Malaysia.

Haji Azmi yang telah menjadi pengerusi koperasi sejak enam tahun yang lalu menjelaskan bahawa Pekan Rabu akan tetap menjadi tempat

perniagaan
untuk orang-orang Melayu.

"Orang-orang Melayu masih ketinggalan dalam bidang peruncitan. Kadar sewa tempat berniaga memangnya tinggi, apatah lagi untuk membeli bangunan sendiri. Pembukaan lebih banyak Pekan Rabu dilihat sebagai satu cara untuk menyediakan mereka ruang dan peluang berniaga. Kita mahu didik mereka menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang sempurna. Kita tidak mahu mereka berniaga di pasar-pasar malam atau di kaki lima. Apakah itu imej peniaga Melayu?" soal beliau.

"Walau di mana Pekan Rabu dibuka, nama tetap Pekan Rabu cuma ciri-ciri tradisional dikekalkan dan konsep makanan serta barangan mengikut negeri masing-masing," jelas beliau.

Haji Azmi berkata pihak koperasi juga mahu melatih para peniaga Melayu di bawah satu bumbung. Justeru, katanya, koperasi akan meminta setiap kerajaan negeri menyediakan sebuah bangunan khusus untuk projek Pekan Rabu.

Koperasi Pekan Rabu yang akan menerajui projek berkenaan juga akan mencari dan mengenal pasti usahawan-usahawan Melayu yang berpotensi, mendaftarkan mereka sebagai ahli koperasi serta memberi latihan dan bimbingan.

BERNIAGA UNTUK TIGA GENERASI

Pekan Rabu yang tersohor di Alor Star ditubuhkan pada 1932 dengan nama Syarikat Kerja Sama-Sama Tanggungan Berhad. Ia kemudiannya ditukar pada 1975 apabila bangunannya berpindah dari Tanjung Chali ke tapak sekarang di Jalan Tunku Ibrahim. Hingga kini, keahlian Koperasi Pekan Rabu mencatat 1,340 orang.

"Semua ahli kami adalah orang Melayu, beragama Islam dan anak tempatan Kedah. Secara keseluruhan, kami ada 340 buah kedai. Peniaga-peniaga ini telah berniaga di sini, ada yang menjangkau tiga generasi. Malah ada cucu yang kini menjalankan perniagaan datuk mereka," jelas Haji Azmi.

Pekan Rabu dibahagikan kepada tiga bahagian: arked, pasar dan restoran. Di bahagian arked, misalnya, pelbagai jenis barangan yang sukar

diperolehi
di tempat lain seperti pakaian, kraf tangan, barang-barang kemas,
pinggan
mangkuk dan kuih-muih tradisional boleh didapati di sini.

"Kuih-muih tradisional ini juga mendapat sambutan dan dihantar
hingga
ke Kuala Lumpur dan Johor Baharu. Kita mempunyai kerjasama dengan
Matrade
(Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia) tetapi jumlah
tempahannya kecil memandangkan pengeluaran yang terhad.

"Kita sedang bergerak ke arah Penyelidikan & Pembangunan (R&D).
Kita
sedang berbincang dengan SMIDEC (Perbadanan Pembangunan Industri
Kecil dan
Sederhana) untuk meningkatkan kualiti barangan yang dikeluarkan oleh
ahli-ahli untuk memenuhi keperluan eksport," tambahnya.

Menurut Haji Azmi, pihak koperasi juga akan membuat kawalan
kualiti di
kalangan pengusaha yang ada di negeri Kedah.

PERNIAGAAN MAJU

Mengenai pencapaian peniaga-peniaga Pekan Rabu, Haji Azmi
berkata
mereka menikmati perniagaan yang maju dan ianya meningkat dari tahun
ke
tahun.

"Kita boleh lihat kemajuan ini menerusi taraf hidup ahli-
ahlinya. Ada
yang menunaikan ibadah haji setiap tahun, ada yang telah mampu
memiliki
rumah sendiri, mempunyai kereta yang lebih besar dan ada juga yang
berjaya
membuka kedai yang lebih besar di luar Pekan Rabu.

"Apabila perniagaan mereka bertambah maju, mereka keluar
daripada Pekan
Rabu untuk memberi laluan kepada peniaga-peniaga lain. Pekan Rabu
ini
seolah-olah bertindak sebagai inkubator untuk peniaga-peniaga,
mendidik dan
melatih mereka sehingga mereka memperoleh kejayaan dan sudah
bersedia
untuk menghadapi dunia luar. Meskipun perniagaan mereka di luar
Pekan Rabu,
mereka masih menjadi ahli koperasi," kata Haji Azmi.

Sejajar dengan usaha untuk mempromosikan Pekan Rabu, tempat
membeli-belah utama ini telah dimasukkan dalam Kalendar Karnival
Jualan
Mega dan juga program 'Cutti-Cutti Malaysia' anjuran Lembaga
Penggalakan
Pelancongan Malaysia.

Mereka yang berkunjung ke Pekan Rabu sejak tahun-tahun
kebelakangan ini

mungkin ada ternampak struktur berbentuk khemah di bahagian tepi dan hadapan Pekan Rabu. Satu dikenali sebagai Dataran Che Det Mall dan yang satu lagi dipanggil Dataran Che Det Walk. Kedua-duanya digunakan untuk acara-acara istimewa yang dianjurkan koperasi sebagai usahanya yang berterusan untuk mempromosikan Pekan Rabu.

Antara acara-acara penting yang pernah diadakan di tapak-tapak tersebut ialah Pesta Bioteknologi, Pesta Flora dan Info Pendidikan. Pada 6 Mac lalu, Koperasi Pekan Rabu menganjurkan Bursa Pekerjaan, yang pertama seumpamanya pernah diadakan. Acara yang diadakan selama dua hari itu dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Rakyat, MARA Kedah, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta.

"Ini adalah khidmat sosial kami untuk masyarakat di mana mereka boleh mendapatkan maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan," kata Haji Azmi.

--BERNAMA

MMA RR